

# Lapan pegawai FPL lawat UMSKAL

NST 12.7.2019 8



LAWAT....Dr Roslan (dua kanan) dan Mas Adi (kanan) bersama staf Fakulti Pertanian Lestari ketika melawat Pejabat Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia di UMS Labuan, kelmarin.

LABUAN: Seramai lapan Pegawai Fakulti Pertanian Lestari (FPL) UMS Kampus Sandakan mengadakan lawatan sambil belajar ke UMS Kampus Antarabanagsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Ketibaan rombongan FPL yang diketuai Timbalan Pendaftarnya, Dr Roslan Gimba disambut Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik.

Rombongan berkenaan diberikan taklimat yang disampaikan oleh Zamri dan Penolong Pendaftar Kanan Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM), Mas Adi Alimin.

Turut hadir Penolong Bendahari Kanan, Mohd Nazir Ab Manan.

Menurut Roslan, lawatan sambil belajar itu bertujuan untuk mempelajari pengurusan pentadbiran di UMSKAL selain meninjau kemudahan yang terdapat di Kampus Labuan.

“Lawatan itu sangat bermakna kerana kami dapat mempelajari sesuatu yang baru selain dapat berkongsi ilmu dan pengalaman dengan pegawai dan kakitangan UMS Labuan,” katanya.

Tambah Roslan, FPL kini mempunyai 400 pelajar dan 131 kakitangan termasuk kakitangan akademik.

Beliau yang mewakili Dekan FPL, Prof Madya Dr Saafie Salleh berkata antara tanaman yang ditanam di fakulti itu ialah durian, kelapa, kelapa

sawit, tebu, getah, kopi, nenas dan kelulut.

Selain UMSKAL, pegawai FPL turut melawat Muzium Marin di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dan Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua di Tanjung Taras.

Sementara itu, Zamri berkata UMSKAL mempunyai 269 kakitangan iaitu 162 kakitangan pentadbiran dan 107 kakitangan akademik.

Rombongan FPL turut melawat Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), pejabat SPSM dan FKI serta Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL).

Mereka turut teruja melihat panorama pulau Labuan yang menarik dari Aras 13, Bangunan Menara UMSKAL yang juga lokasi melihat anak bulan.- **OLEH JAINUDIN DJIMIN**